

.Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Title : PERASMIAN PEMBUKAAN PERPUSTAKAAN RAKYAT JITRA, KEDAH
Location : PERPUSTAKAAN RAKYAT JITRA, KEDAH
Date : 15-04-1982

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa Perpustakaan Rakyat Jitra, Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati.

Terlebih dahulu marilah kita mengucap syukur kehadiran Allah, atas limpah kurniaNya membolehkan kita bertemu muka pada pagi ini. Mudah-mudahan pertemuan kita untuk merasmikan Perpustakaan Rakyat Jitra ini diberkati Allah.

2. Tuan-tuan dan puan-puan baru sahaja mendengar bacaan surah Al-'Alaq serta dengan terjemahannya sekali. Dalam surah itu dua kali disebut "Bacalah!", dan ini adalah ayat pertama yang diwahyu oleh Allah kepada Nabi Besar kita Muhammad s.a.w.

3. Mengapakah Allah Subhanahuwataala, dalam wahyunya yang pertama ini, menyeru Muhammad supaya "membaca". Dengan kata lain, mengapa perintah Allah yang pertama itu berbunyi "Bacalah dengan nama Tuhan Mu yang telah mencipta manusia dari segumpal darah"? Mengapakah agaknya Tuhan, dalam wahyuNya yang pertama itu, tidak memerintahkan junjungan kita dan umatnya supaya bersembahyanglah! Atau berdoalah! Atau berniagalah! Atau bangunkanlah industri dan kilang-kilang? Bukankah semuanya ini penting bagi kehidupan manusia? Dan di dalam Al-Quran memang kita disuruh berusaha, disuruh berikhtiar bagi kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat?

4. Nyatalah, dengan adanya perintah pertama, yang menyuruh kita semua "membaca", bahawa sesungguhnya "membaca" adalah anak kunci segala-galanya, sama ada untuk beramal ibadat, untuk bersembahyang, mahupun untuk berusaha bagi mencapai kehidupan yang sempurna. Tidak ada satu pun yang dapat kita lakukan dengan sempurna, tidak ada apa pun yang dapat kita kerjakan dengan betul, tidak ada satu usaha pun yang dapat kita buat dengan elok, jika sekiranya usaha itu dilakukan dengan tidak lebih dahulu mengetahui ilmunya, mengetahui kaedahnya dan cara-caranya. Maka anak kunci kepada gedung ilmu dunia dan ilmu akhirat, adalah "membaca". Jalan bagi mendekatkan kita dengan Tuhan, dan panduan yang membolehkan kita beribadat dan berusaha dengan betul dan sempurna, adalah juga dengan "membaca". Oleh kerana itu tuan-tuan dan puan-puan, marilah kita patuh kepada suruhan Allah. Bacalah Al-Quran, bacalah kitab-kitab, buku-buku dan majalah-majalah, serta apa juga bahan bacaan yang baik, yang berguna. Bacalah dengan sepenuh hati. Bacalah dengan pengertian. Bacalah untuk mencari ilmu dan pengetahuan, untuk mendapat hiburan, untuk menjadi panduan dan amalan masa depan.

5. Sekolah dan universiti yang terbuka untuk kita sepanjang hayat ialah "universiti membaca". Orang yang sudah keluar universiti dan yang mendapat ijazah Ph.D pun, jika tidak membaca, akan ketinggalan zaman, apa lagi kita yang tak masuk universiti.

6. Saya mendapat tahu, perpustakaan kita ini, sungguhpun merupakan salah satu projek Dewan Bahasa dan Pustaka, dan ditubuhkan atas dayautama Unit Gerakan Membaca Dewan Bahasa, namun kejayaan untuk menubuhkan perpustakaan ini, sebenarnya adalah kejayaan penduduk Jitra sendiri. Maka pada

kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Pegawai Daerah dan semua Ahli Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan projek ini. Saya percaya, penduduk Jitra khususnya, dan penduduk Kubang Pasu umumnya, tentulah bersama-sama dengan saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan wang, buku-buku dan alat-perkakas bagi menubuhkan perpustakaan ini. Encik Noor Azam, dalam ucapannya tadi, telah menyatakan harapan beliau, supaya perpustakaan ini, tidak saja akan memberikan perkhidmatan kepada penduduk Jitra, tetapi juga kepada seluruh penduduk Kubang Pasu. Oleh itu saya sangatlah mengharapkan sumbangan selanjutnya dari penduduk Kubang Pasu ini, supaya rancangan yang disebut oleh Encik Noor Azam itu dapat dilaksanakan.

7. Berdasarkan rancangan yang tersebut, saya inginlah mencadangkan supaya sistem "pinjaman berkelompok" itu dilaksanakan di seluruh negara kita ini. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri eloklah menyusun satu sistem "pinjaman berkelompok" di negeri masing-masing.

8. Hanya dengan demikian sahajalah, dapat kita betul-betul mempergunakan kumpulan buku-buku yang ada di Perpustakaan Awam di ibu negeri masing-masing, untuk keperluan rakyat jelata. Dengan cara ini juga, kita dapat membantu dan mempergunakan dengan sebaik-baiknya Kutub Khanah Desa yang ditubuhkan oleh KEMAS di kampung-kampung. Bahkan dengan cara ini juga, kita dapat membantu sekolah-sekolah yang kecil, yang tidak mempunyai buku-buku perpustakaan secukupnya.

9. Semenjak tahun 1967 hingga sekarang, terdapat lebih 3,000 judul buku - selain daripada buku teks - yang telah diterbitkan. Akan tetapi buku-buku ini hanyalah terkumpul di bandar-bandar besar - hanya terdapat di kedai-kedai buku dan perpustakaan di bandar-bandar besar sahaja - sangat sedikit, bahkan ada yang langsung tak sampai ke pekan-pekan kecil, jauh sekali ke kampung-kampung. Oleh kerana itu, usaha yang sungguh-sungguh perlulah dibuat supaya buku-buku tersebut dapat sampai ke pekan-pekan kecil dan kekampung-kampung. Maka sekali lagi saya meminta, supaya Perbadanan Perpustakaan Awam di semua negeri dan Unit Gerakan Membaca Dewan Bahasa dan Pustaka, bersama-sama mengambil tindakan yang segera supaya sistem "pinjaman berkelompok" ini dapat dilaksanakan secepat mungkin. Pada pendapat saya, inilah sahaja jalan yang paling mudah dan paling cepat untuk menyampaikan buku kepada sebahagian besar penduduk negara kita ini, iaitu mereka yang tinggal di kawasan luarbandar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Usaha atau kempen menggalakkan orang ramai membaca, perlulah disertakan dengan usaha menyediakan kemudahan bagi membolehkan orang ramai membaca. Kemudahan paling baik dan paling berkesan, dan tidak pula terlalu sukar untuk disediakan, ialah mengadakan perpustakaan kecil atau bilik bacaan. Oleh itu sukalah saya mencadangkan supaya agensi-agensi pembangunan wilayah seperti KEDA, MADA, KETENGAH, KESEDAR, KEJORA, dan juga pemaju-pemaju perumahan kerajaan mahupun swasta, menjadikan perpustakaan atau bilik bacaan sebagai salah satu perkara yang mesti, dalam setiap rancangan pembangunan dan rancangan perumahan. Jika sekiranya padang permainan dapat disediakan, tentulah tidak ada sebab mengapa perpustakaan kecil tidak boleh disediakan di setiap kawasan perumahan yang besar dan di setiap kampung atau pekan baru yang dibangunkan dalam rancangan pembangunan wilayah.

11. Saya juga mengharapkan FELDA yang telah pun memulakan projek perpustakaan di

rancangan-rancangan tanah baru, akan memberi perhatian yang lebih bersungguh-sungguh, termasuk mengadakan peruntukan wang dan pegawai yang khusus, supaya projek ini tidak hanya merupakan projek sampingan atau sambil-sambilan saja. Perpustakaan di kawasan rancangan FELDA, mestilah dijadikan salah satu aspek yang penting, sama pentingnya dengan pembinaan sekolah, rumah kedai, balai polis, paip air, elektrik dan pusat kesihatan.

12. Adalah diharapkan, setiap agensi kerajaan yang terlibat dalam kerja-kerja pembangunan masyarakat (community development), akan menjadikan tuntutan mengadakan kemudahan perpustakaan, sebagai salah satu aspek yang mesti dan yang perlu, dalam setiap usaha pembangunan masyarakat. Dengan demikian, mudah-mudahan akan tercapailah hajat kita untuk membina sebuah masyarakat yang sempurna, yang berilmu dan yang progresif. Dengan cara ini juga, mudah-mudahan akan lebih cepatlah tercapai tujuan kita hendak mendapatkan keseimbangan antara pembangunan kebendaan dengan pembangunan kerohanian, keseimbangan antara pembangunan lahiriah dengan pembangunan rohaniah, dan keseimbangan antara kekayaan harta benda dengan kekayaan otak dan jiwa.

13. Sudah lama terbukti, di mana buta huruf masih bersarang, di situ pulalah kejahilan menumpang; dan di mana terdapat umat yang pandai dan suka menulis dan membaca, di situlah yang lebih dulu mencapai kemajuan, dan merekalah yang menjadi tuan, memerintah dan menguasai orang lain.

Oleh kerana itulah orang-orang yang maju, menjadikan membaca sama perlunya dengan makan dan minum, mandi dan berpakaian.

Pembacaan mengubah dari alam gelap ke alam terang, dari kehinaan kepada kemuliaan. Islam adalah penggerak kepada pembasmian buta huruf, yang bererti pembasmian kejahilan dan kebodohan. Manusia yang buta huruf adalah umat yang jahil.

Umat Islam yang tidak membaca adalah umat yang mensia-siakan otak dan mata pemberian Tuhan.

14. Inilah sebenarnya tujuan kita membangunkan perpustakaan rakyat ini. Supaya Jitra dan Daerah Kubang Pasu yang sekarang ini sedang maju, pesat dengan berbagai projek pembangunan, yang bertujuan untuk memberikan kemudahan ekonomi, dapat pula bergiat maju dan berkembang dalam bidang ilmu pengetahuan dan kejiwaan.

15. Saya mendapat tahu kebanyakan anak-anak muda kita, apabila menghadiri temuduga untuk mendapat pekerjaan, biasanya sangat lemah dalam bidang pengetahuan am. Dalam temuduga itu mereka tidak dapat menunjukkan kesanggupan berfikir yang tinggi, dan tidak dapat menjawab pertanyaan dengan bahasa yang jelas dan terang. Banyak di antara mereka, apabila ditanya, tidak dapat menerangkan apakah jenis kerja atau tugas jabatan atau pejabat tempat mereka memohon pekerjaan itu. Ini adalah disebabkan oleh kerana anak-anak kita yang memohon pekerjaan itu tidak membaca atau sangat kurang membaca. Mereka hanya membaca buku-buku teks untuk lulus peperiksaan saja. Oleh kerana itu, saya mengharap penduduk Jitra akan mengambil kesempatan mempergunakan perpustakaan yang telah disediakan ini.

16. Saya menyeru ibu bapa, terutamanya kaum ibu, supaya menggalakkan anak-anak masing-masing datang menggunakan perpustakaan ini. Kebanyakan pekan kecil di negara kita tidak mempunyai perpustakaan. Oleh kerana itu sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan dan terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Ahli Jawatankuasa yang telah berusaha menubuhkan perpustakaan ini, kita mestilah menggunakannya dengan sebaik-baiknya.

Maka dengan harapan itu, dengan ucapan Bismillahir rahmanir rahim, saya mengistiharkan Perpustakaan Rakyat Jitra ini dibuka.